JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK
JALAN TUN ABDUL RAZAK
30640 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel : +605 501 5000
Faks : +605 527 7273
Laman Web : http://jpnperak.moe.gov.my

*'1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN'*

Ruj.Kami :J.PEL.PK(SM)2875/ Jld. 3 ( 3 )
Tarikh : 14 Disember 2017

**Semua Pegawai Pendidikan Daerah**
**Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Perak**

**Semua Pengetua**
**Sekolah Menengah Kebangsaan**
**Negeri Perak**

Tuan,

**PERMOHONAN KEMASUKAN MURID KE TINGKATAN EMPAT (4) SEKOLAH RANCANGAN KHAS NEGERI BAGI AMBILAN TAHUN 2018**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan kemasukan murid ke Tingkatan Empat (4) Sekolah Rancangan Khas Negeri bagi ambilan Tahun 2018 akan dibuka mulai **15 Disember 2017 sehingga 15 Januari 2018.**

3. Permohonan adalah dibuka kepada **semua murid** Tingkatan Tiga (3) pada tahun 2017 dengan syarat-syarat berikut :

3.1 Warganegara Malaysia
3.2 Telah menduduki Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) pada Tahun 2017
3.3 Murid Sekolah Menengah Kebangsaan di Negeri Perak di bawah kawalan Kementerian Pendidikan Malaysia

4. Permohonan boleh dibuat dengan menggunakan **Borang RKN T4/2018** yang boleh diperolehi melalui :

4.1 portal JPN Perak **http://jpnperak.moe.gov.my atau**
4.2 Pejabat Pendidikan Daerah **atau**
4.3 pejabat sekolah masing-masing

5. Kerjasama tuan adalah dimohon untuk memperbanyakkan borang permohonan tersebut. Permohonan yang lengkap berserta dokumen berkaitan perlu diserahkan kepada pihak sekolah asal pemohon.

6. Pihak sekolah diminta untuk menghantar semua borang permohonan yang telah disahkan ke Unit Sekolah Menengah, Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Perak **pada atau sebelum 18 Januari 2018**. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.

7. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Cik Noor Aida Ahmad di talian 013-4053100 atau 05-5015293. Segala perhatian dan kerjasama yang tuan berikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' HAJI MAT LAZIM BIN IDRIS, DPMP., AMP.)**
Pengarah Pendidikan Negeri Perak

s.k : 1. Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Perak
2. Ketua Sektor Pengurusan Sekolah